



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENGURUSAN HARTA INTELEK PRODUK TRADISIONAL  
SARAWAK (TEBALOI)**

**Beatrice Anne Anak Saga**

**(35590)**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Program Pengurusan Seni)  
2015**

PENGURUSAN HARTA INTELEK PRODUK TRADISIONAL SARAWAK  
(TEBALOI)

BEATRICE ANNE ANAK SAGA  
35590

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2015

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **PENGURUSAN HARTA INTELEK PRODUK TRADISIONAL SARAWAK  
(TEBALOI)**

SESI PENGAJIAN : 2014 / 2015

Saya : **BEATRICE ANNE ANAK SAGA**

mengaku membenarkan \*tesis ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. \*\*sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

  
(TANDATANGAN PENULIS)

  
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat tetap:  
NO 11,  
LORONG BUKIT LIMA TIMUR 2E/3,  
96000 SIBU, SARAWAK.

Tarikh : 7 Julai 2015

Tarikh : 7/7/2015

Catatan: \* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

## PENGESAHAN DAN TANDATANGAN PENYELIA


Projek bertajuk **Pengurusan Harta Intelek Produk Tradisional Sarawak (TEBALOI)** telah disediakan oleh Beatrice Anne Anak Saga dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni).

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

(Dr Noria Anak Tugang)

Tarikh:

.....

## **PENGHARGAAN**

Pertamanya saya ingin memanjatkan rasa syukur kepadaNya kerana dengan izinNya dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan sempurna. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan yang tulus ikhlas kepada Dr. Noria Anak Tugang yang merupakan penyelia saya sepanjang menyiapkan tesis ini. Beliau banyak membantu dan memberi bimbingan kepada saya sepanjang proses penyiapan tesis ini berlangsung.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada individu yang terlibat dalam menyumbangkan data-data yang amat berguna serta kepada para responden saya yang telah banyak bekerjasama untuk menjayakan tesis ini secara sukarela tanpa paksaan. Segala jasa baik anda semua semoga Tuhan membalasnya.

Tekanan yang hebat semasa saya menjalankan kajian ini tidak dapat disangkalkan lagi, di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih untuk bonda tercinta Pn. Evelyn Anak Unyang atas sokongan dan dorongan yang tidak pernah padam sepanjang saya menjalankan kajian ini. Tanpa beliau saya mungkin tidak dapat menyiapkan tesis ini dengan sempurna. Tidak lupa kepada sahabat-sahabat saya yang banyak membantu saya menyediakan dan menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali, saya berdoa kepada Tuhan mudah mudahan tesis ini dapat menjadi panduan dan memberi faedah kepada kita semua, terutama kepada mereka yang berminat untuk mengkaji pengurusan harta intelek dan produk tradisional Tebaloi, Sarawak.

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>SUSUNAN KANDUNGAN</b>	ii-iii
<b>SENARAI JADUAL</b>	iv
<b>SENARAI RAJAH</b>	v
<b>PENAKUAN</b>	vi
<b>ABSTRAK</b>	vii
<b>ABSTRACT</b>	viii
<b>BAB SATU : PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Skop Kajian	3
1.5 Lokasi Kajian	3 – 4
1.6 Batasan Kajian	5
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	5 – 9
1.8 Kepentingan Kajian	9 – 10
1.9 Masalah-masalah yang Dihadapi Semasa Menjalankan Kajian	10 – 11
<b>BAB DUA : TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Kajian Kesusasteraan	12 - 19
2.3 Rumusan	19 – 20
<b>BAB TIGA : METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	21
3.2 Kajian Keperpustakaan	21
3.3 Kajian Kerja Lapangan	22
3.3.1 Pemerhatian	22
3.3.2 Pemerhatian Turut Serta	22 – 23
3.3.3 Penedaran Borang Soal Selidik	23
3.3.4 Analisis Data	23 – 24
3.3.5 Kajian Rintis	24 – 25
3.3.6 Instrumen Kajian	25 – 26
<b>BAB EMPAT : ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	27
4.2 Analisis Data Kajian	27 – 43
4.3 Perbincangan dan Dapatan Kajian	44 – 51
4.4 Rumusan	51 – 52

<b>BAB LIMA : KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1 Kesimpulan	53 – 59
5.2 Cadangan Kajian Lanjutan	60
5.3 Cadangan Kepada Organisasi	61
<b>SENARAI RUJUKAN</b>	62 – 63
<b>LAMPIRAN A (SOALAN DEMOGRAFI)</b>	64
<b>LAMPIRAN B (INSTRUMENT KAJIAN)</b>	65
<b>LAMPIRAN C (SOALAN SUBJEKTIF)</b>	66

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	JUDUL	HALAMAN
1.1	Jantina	27
1.2	Bangsa	28
1.3	Umur	29
1.4	Adakah anda mengetahui apa itu “Harta Intelekt”	30
1.5	Adakah anda mengetahui apa itu “Pengurusan Harta Intelekt”	31
1.6	Adakah anda mengetahui apa itu fungsi Perbadanan Harta Intelekt Malaysia( <i>MyIPO</i> )	32
1.7	Adakah anda mengetahui cara mendaftarkan produk anda di MyIPO	33
1.8	Adakah anda mengetahui kepentingan mendaftarkan produk anda di MyIPO	34
1.9	Adakah anda mengetahui perkembangan MyIPO dalam melindungi produk tradisional	35
2.1	Adakah anda yakin produk anda perlu dilindungi oleh MyIPO	36
2.2	Adakah anda pernah melayari laman sesawang MyIPO	37
2.3	Adakah anda pernah didedahkan dengan manfaat dari mendaftarkan produk anda di bawah MyIPO	38
2.4	Adakah anda setuju sekiranya seminar berkaitan dengan pengurusan harta intelek dijalankan di tempat anda	39
2.5	Adakah anda berpuas hati dengan penyampaian Perbadanan Harta Intelekt Malaysia dalam menguruskan dan mendaftarkan produk anda	40 - 42
2.6	Cadangan penambahbaikan Pengurusan Harta Intelekt Produk (Tebaloi) di Mukah, Sarawak	42



## SENARAI GAMBAR RAJAH

NO. JADUAL	JUDUL	HALAMAN
4.2.1	Jantina	27
4.2.2	Bangsa	28
4.2.3	Umur	29
4.2.4	Adakah anda mengetahui apa itu “Harta Intelekt”	30
4.2.5	Adakah anda mengetahui apa itu “Pengurusan Harta Intelekt”	31
4.2.6	Adakah anda mengetahui apa itu fungsi Perbadanan Harta Intelekt Malaysia( <i>MyIPO</i> )	32
4.2.7	Adakah anda mengetahui cara mendaftarkan produk anda di MyIPO	33
4.2.8	Adakah anda mengetahui keentingan mendaftarkan produk anda di MyIPO	34
4.2.9	Adakah anda mengetahui perkembangan MyIPO dalam melindungi produk tradisional	35
4.2.10	Adakah anda yakin produk anda perlu dilindungi oleh MyIPO	36
4.2.11	Adakah anda pernah melayari laman sesawang MyIPO	37
4.2.12	Adakah anda pernah didedahkan dengan manfaat dari mendaftarkan produk anda di bawah MyIPO	38
4.2.13	Adakah anda setuju sekiranya seminar berkaitan dengan pengurusan harta intelek dijalankan di tempat anda	39
4.2.14	Adakah anda berpuas hati dengan penyampaian Perbadanan Harta Intelekt Malaysia dalam menguruskan dan mendaftarkan produk anda	40 - 42
4.2.15	Cadangan penambahbaikan Pengurusan Harta Intelekt Produk (Tebaloi) di Mukah, Sarawak	43

## **PENGAKUAN**

Projek bertajuk Pengurusan Harta Intelek Produk Tradisional Sarawak (Tebaloi) telah disediakan oleh Beatrice Anne Anak Saga dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Diterima untuk diperiksa oleh

---

(Dr Noria Anak Tugang)

Tarikh:

---

## **ABSTRAK**

Dalam merangkak kearah perkembangan ekonomi pengetahuan terdapat Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang melindungi industri kreatif dan pembikinan di Malaysia khususnya. Harta intelek mempunyai tiga element utama iaitu harta industri, hak cipta dan *comman law*. Harta industri menjurus kepada paten, tanda dagang, reka bentuk perindustrian, petunjuk geografi dan reka bentuk litar bersepadu. Kelebihan kepada pengusaha yang mendaftarkan produk mereka di bawah perbadanan ini, mereka dapat menjaga mutu, kualiti dan keaslian produk mereka. Penggunaan perbadanan ini di Malaysia masih tidak lagi meluas berbanding negara maju yang lain. Kajian ini akan mendalami punca para pengusaha produk tradisional tebaloi kurang mengetahui mengenai hak mereka untuk mempatenkan produk mereka.

## **ABSTRACT**

*In crawling towards the development of the knowledge economy, Intellectual Property Corporation of Malaysia play an important to protects the creative industries and fabrication in Malaysia in particular. Intellectual property has three main elements, namely industrial property, copyright and common law. Leading to industrial property is patents, trademarks, industrial designs, geographical indications and integrated circuit design. The advantage to employers who register their products under this corporation is they can keep the quality, the quality and authenticity of their products. The use of this corporation in Malaysia is still not yet widely compared to other developed countries. This study will explore the roots of traditional products Tebaloi entrepreneurs are not informed about their rights to patent their products.*

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Sarawak merupakan salah sebuah negeri yang terdapat di Malaysia. Sarawak juga dikenali sebagai Bumi Kenyalang. Di Sarawak terdapat lebih daripada sepuluh buah etnik yang mempunyai latar belakang yang berbeza serta mempunyai tradisi yang berbeza. Antaranya merupakan masyarakat Melanau yang memelopori bahagian persisiran pantai seperti kawasan lembah utara Sungai Rajang, Mukah, Dalat, Oya dan Bintulu. Masyarakat ini merupakan penduduk terawal yang mendiami kawasan Mukah, Sarawak. Setiap masyarakat mempunyai produk tradisional yang tersendiri, serta mempunyai nilai-nilai komersial yang berbeza-beza.

Hampir setiap suku kaum di Sarawak mempunyai produk tradisional tersendiri yang harus dipelihara keasliannya untuk mengekalkan nilai estetika produk tersebut. Pengurusan harta intelek yang cemerlang merupakan salah satu medium yang boleh digunakan untuk menjaga mutu dan keaslian produk tersebut. Menurut Singh (2009), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (*MyIPO*), yang terletak dibawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merupakan peneraju kepada peraturan Harta Intelek di Malaysia.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Produk tebaloi sudah hilang identiti asalnya pada hari ini. Hal ini demikian kerana, pengusahaan produk tebaloi bukan hanya dijalankan oleh penduduk dari Mukah sahaja. Hari ini, terdapat pengusaha tebaloi dari Serian, Sarawak. Antara permasalahan yang dihadapi dalam pengurusan harta intelek produk tradisional Sarawak (Tebaloi) adalah seperti golongan pengusaha tebaloi tidak menitik beratkan penjagaan tanda dagangan produk tradisional mereka, pengusaha tebaloi yang asal kurang mengetahui mengenai pengurusan harta intelek, *Intellectual Property Corporate of Malaysia(MyIPO)* kurang mendedahkan kepada pengusaha tempatan mengenai kepentingan mempatenkan produk mereka. Malah perbadanan tersebut hanya mengadakan seminar di kawasan bandar dan bukan di kawasan perdalaman seperti kawasan pengusaha produk tebaloi tersebut.

Jadi pengurusan harta intelek untuk produk tradisional semakin dipandang ringan oleh segelintir pengusaha produk tradisional tempatan. Oleh yang demikian, peniruan produk tradisional yang semestinya mempunyai nilai komersial semakin berleluasa pada hari ini. Saya berharap dengan adanya cadangan penyelidikan seperti ini dapatlah membantu para pengusaha produk tradisional yang asli menjaga mutu dan dapat mengekalkan budaya serta identiti mereka. Dengan kaedah yang lebih terperinci dan senang untuk difahami cara kerjanya oleh pengusaha-pengusaha di kawasan perkampungan. Selain dapat membantu meningkatkan jumlah pendapatan penduduk tempatan. Harta Intelek melindungi paten, tanda

dagang, reka bentuk perindustrian, petunjuk geografi dan reka bentuk litar bersepadu.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pengusaha untuk mempatenkan produk tebaloi.
2. Mengkaji pengetahuan pengusaha produk tebaloi mengenai harta intelek.
3. Mencadangkan kepada pengusaha tebaloi agar menggunakan *MyIPO* untuk mempatenkan produk mereka.


### **1.4 Skop Kajian**

Skop kajian ini menjurus kepada aspek-aspek berikut iaitu mendedahkan *MyIPO* kepada para pengusaha tebaloi di Mukah. Seterusnya, melihat kaedah yang digunakan untuk menyampaikan maklumat berkenaan dengan pengurusan harta intelek kepada pengusaha tebaloi. Pengkaji juga memfokuskan kajian terhadap pengurusan harta intelek produk tradisional Tebaloi di Mukah, Sarawak.


### **1.5 Lokasi Kajian**

Kajian ini dilaksanakan di Kampung Tutus Hilir, Kampung Tellian Mukah dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (*MyIPO*) cawangan Sarawak, yang terletak

di 3<sup>rd</sup> floor Queen's Court, Kuching Sarawak. Dibawah merupakan rujukan peta di kawasan kajian.



( Sumber: Google Image Maps)



( Sumber: Google Image Maps)



## **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas kerana pengusaha asal produk tebaloi tidak dapat diketahui dengan jelas dan sukar untuk mencari mereka yang memulakan pembuatan produk ini. Selain itu bidang kajian lain lebih menjurus kepada aspek ekonomi dan pengurusan sahaja. Manakala kajian lepas tidak berkait dengan pengurusan harta intelek produk tebaloi, Sarawak.

## **1.7 Kerangka Konseptual Kajian**

Kerangka konseptual bertujuan untuk menerangkan dengan lebih terperinci mengenai beberapa aspek penting yang diguna pakai dalam kajian ini. Hal ini diharapkan dapat memudahkan pemahaman pembaca mengenai aspek yang dikaji oleh pengkaji.

Maksud harta dalam konsep Islam ialah condong, cenderung dan miring. Dalam Al-Muhith dan lisan Arab menjelaskan bahawa harta adalah segala benda yang sangat diinginkan oleh manusia untuk menyimpan dan memilikinya. Contohnya, pada masa tersebut ialah kambing, emas, perak dan sebagainya yang memiliki nilai kekayaan.

Ibnu Asyr mengatakan bahawa “kekayaan pada mulanya bererti emas dan perak, tetapi kemudian berubah pengertiannya menjadi segala benda yang disimpan

dan dimiliki. Sedangkan harta, menurut Hanafiyah ialah sesuatu yang digeruni oleh manusia dan memungkinkan untuk disimpan sehingga diperlukan.

Harta intelek merupakan beberapa jenis ciptaan fikiran yang berlainan serta diakui hak eksklusifnya di bawah bidang undang-undang tertentu. Pembangunan harta intelek di dalam sesebuah negara akan meningkatkan tahap inovasi, ekonomi serta mengajakkannya ke sebuah negara berasaskan ekonomi pengetahuan. Peningkatan tersebut memberikan impak positif dalam bidang pelaburan perniagaan atau yang berteraskan pengetahuan. Hari Harta Intelek sedunia disambut pada setiap 26 April setiap tahun, yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat awam berkaitan apa itu harta intelek dan bagaimana ia dijalankan bukan sahaja dalam industri muzik bahkan sama juga di industri inovasi produk dan teknologi. Azizi (2011).

Menurut Tee (2001), konsep keaslian seperti yang dinyatakan pada awalnya, telah diterima dan diguna pakai di Malaysia oleh mahkamah persekutuan dalam kes *Lau Foo San V kerajaan Malaysia* pada tahun 1987. Intelek merupakan kemampuan (daya) berfikir dan memahami, menganalisis dan sebagainya akal budi, golongan-golongan cerdik pandai, golongan cendekiawan, golongan terpelajar serta membawa maksud mengintelekkkan seseorang menjadikannya berintelek sehingga mampu meningkatkan kemahiran berfikir seseorang.

Chenta (2008), menyatakan pengurusan melibatkan proses perancangan, penyusunan, pengarahan dan pengawalan usaha-usaha para ahli organisasi serta

menggunakan sumber organisasi secara cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat organisasi. Terdapat beberapa kategori peranan pengurus. Pertama ialah interpersonal, kedua ialah informasional dan seterusnya pembuatan keputusan.

Interpersonal melibatkan individu lain dan juga merangkumi peranan tunggal, pemimpin dan penghubung. Informasional pula boleh mewujudkan suatu rangkaian perhubungan, dan boleh dikaitkan dengan peranan pengawas, penyebar maklumat dan juga jurucakap. Manakala pembuatan keputusan disini memerlukan seseorang pengurus membuat pilihan dan mengambil tindakan dan ia meliputi peranan sebagai usahawan, juru runding pengagihan sumber dan pengendali masalah. Individu tersebut semestinya yang berkemampuan untuk menyelesaikan masalah dibawah tekanan yang berat mahupun ringan.

Kemahiran pengurusan juga terbahagi kepada tiga aspek utama, iaitu konseptual, kemanusiaan dan teknikal. Aspek konseptual menyentuh berkaitan dengan kebolehan kognitif untuk melihat organisasi secara menyeluruh serta perkaitannya dengan bahagian kemahiran ini melibatkan pemikiran, pemprosesan maklumat dan membuat perancangan, pengurus juga wajib mempunyai pandangan jangka panjang dalam setiap aspek kategori ini lebih banyak diaplikasikan oleh pengurus atasan. Dari segi kemanusiaan pula, kebolehan bekerja dan bergaul dengan orang lain dengan baik dan berkesan. Dengan memahami pekerja seseorang pengurus dapat memahami dan mengatasi masalah yang dihadapi oleh kakitangannya. Pengurusan dari aspek teknikal merangkumi kaedah, teknik dan peralatan yang berkaitan dengan fungsi spesifik seperti kejuruteraan kewangan.

Selalunya kemahiran seperti ini diperlukan oleh pengurusan peringkat bawahan. Hal ini kerana tenaga mereka yang lebih ramai membolehkan kerja-kerja yang diberikan dapat disiapkan dengan sempurna.

Umumnya, produk merupakan sesuatu yang ditawarkan kepada pasaran serta mempunyai atribut atau sifat-sifat yang boleh mencuri perhatian, boleh dimiliki, boleh digunakan dan mempunyai faedah dari aspek psikologi serta dari aspek fizikal yang dapat memuaskan kehendak pengguna. Ringkasnya, produk merupakan sesuatu yang ditawarkan di pasaran oleh pengusaha dan mempunyai ciri-ciri ketara seperti warna, saiz, berat dan harga begitu juga dengan ciri-ciri yang tidak ketara seperti kepuasan, kecekapan, keberkesanaan yang mana ciri-ciri tersebut diperlukan oleh pengguna. Produk menjadi semakin meningkat pemintaannya apabila pengusaha menyediakan pelbagai pilihan dan mempunyai tarikan yang cantik untuk dinikmati dan dimiliki. Produk yang baik dan mempunyai mutu yang tinggi mampu memiliki pelanggan yang tetap untuk melanggan produk yang sama.

Kamus Dewan Edisi Ke-7 menyatakan tradisional merupakan menurut adat tradisi, adat resam serta melakukan aktiviti yang menjadi kebiasaan secara turun temurun. Sesebuah aktiviti yang telah lama dan biasa dijalankan dalam sesebuah budaya masyarakat setempat. Apa yang ketara merupakan kandungan informasi yang akan diperturunkan dan diteruskan dari satu generasi kepada generasi yang lebih muda, yang bertujuan untuk mengekalkan budaya supaya tidak punah serta hilang seiring dengan peredaran masa. Tradisional juga merupakan fahaman yang

menjadi garis panduan untuk sesebuah masyarakat menjalani kehidupan seharian mereka tanpa menyalahi pantang larang yang telah lama dipraktikkan dalam masyarakat tersebut.

Tebaloi merupakan sejenis kudapan tradisional dari suku kaum Melanau di Mukah, Sarawak. Tebaloi diperbuat daripada tepung sagu yang diperoleh daripada pokok rumbia. Produk tradisional ini banyak dieksport ke luar negara dan juga merupakan salah satu makanan tradisional Sarawak yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran. Untuk produk yang dieksport tebaloi akan diproses secara kilang serta di simpan di dalam kotak kecil sebelum dieksport di Sarawak ataupun ke semenanjung Malaysia. Pada hari ini produk ini dihasilkan dengan pelbagai perisa untuk menarik minat orang ramai merasai dan membeli produk tersebut. Produk ini juga merupakan salah satu penyumbang pendapatan kepada penduduk-penduduk kampung di Mukah, Sarawak. Hal ini kerana mereka lebih mudah untuk mendapatkan tepung sagu di kawasan mereka tanpa perlu mengeluarkan modal yang besar.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Berdasarkan dapatan daripada kajian ini, keputusannya dapat memberikan gambaran dan maklumat kepada pengusaha-pengusaha produk tradisional Sarawak tentang cara-cara untuk mendaftarkan produk tradisional mereka di bawah akta yang berkaitan. Penyelidikan ini juga penting untuk pengguna-pengguna produk tradisional Sarawak mengetahui hak dan kepentingan menjaga harta intelek

sesebuah produk tradisional. Selain dapat menerangkan kepada mereka dengan lebih lanjut berkenaan dengan pengurusan harta intelek produk tradisional mereka. Hal ini juga telah memberikan kesedaran kepada mereka untuk melindungi dan menjaga hak mereka daripada ditiru dan diakui pemilikannya oleh orang lain. Bahkan dapat membantu para pengusaha tebaloi untuk berhati-hati semasa menghasilkan produk mereka di pasaran, dengan perlindungan daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia.

Hasil kajian ini juga dapat membantu pihak *Intellectual Property Corporate Malaysia (MyIPO)* cawangan Sarawak mendedahkan kepentingan menjaga hak masing-masing dengan kaedah mendaftarkan produk mereka di perbadanan tersebut. Serta memberikan kesedaran dan kepekaan kepada para pengusaha produk tempatan untuk terus berusaha untuk melindungi produk mereka daripada di curi hak pemilikannya oleh individu yang tidak bertanggungjawab dalam industri tersebut. Selain daripada itu, kajian ini dapat membantu menjadi bahan rujukan untuk pengkaji akan datang. Selain daripada faktor di atas, para pengusaha tebaloi dapat menyatakan dan memberi tindakbalas positif terhadap pendaftaran harta intelek produk tradisional mereka.

## **1.9 Masalah-Masalah yang Dihadapi Semasa Menjalankan Kajian**

Masalah-masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian ini boleh terbahagi kepada dua aspek utama iaitu aspek fizikal dan bahan rujukan ilmiah. Dari aspek fizikal pengkaji mempunyai masalah untuk menemukan informan yang

boleh memberikan maklumat yang tepat mengenai pengusaha asal produk tebaloi di Mukah. Informan yang sedia ada hanya mengetahui mereka mewarisi ilmu membuat tebaloi daripada ibu mereka dan belajar daripada kawan sekampung untuk menghasilkan tebaloi tersebut. Kekurangan data ini menyebabkan pengkaji hanya mengkaji aspek yang lebih ketara sifatnya. Dapatan kajian juga adalah berdasarkan kejujuran para responden yang terlibat untuk menjawab soalan soal selidik yang diedarkan. Maklumat yang tepat hanya boleh dikaji selepas mendapat respon yang positif daripada responden untuk menjawab soalan yang ditanyakan dalam boring soal selidik.

Dari aspek bahan rujukan ilmiah, pengkaji menghadapi masalah seperti kekurangan bahan rujukan untuk pengurusan harta intelek produk tebaloi. Pengkaji hanya mendapati buku yang berkaitan dengan pengurusan harta intelek yang berkaitan dengan ekonomi, perbincangan kes-kes harta intelek di mahkamah dan buku yang hanya menyatakan definisi harta intelek serta pandangan pakar. Pengkaji tidak memperolehi begitu banyak buku yang berkaitan dengan pengurusan makanan tradisional. Akan tetapi pengkaji mendapat maklumat yang sahih daripada sebuah buku yang berkait dengan pengurusan hak milik makanan tradisional dan perihal yang membolehkan makanan tersebut mempunyai nilai ekonomi yang tertentu. Manakala bahan ilmiah yang lain digunakan oleh pengkaji untuk melihat perhubungan dan maksud kajian yang pengkaji akan jalankan. Hal ini menyebabkan maklumat yang diperolehi masih berpatutan dengan objektif yang telah dinyatakan oleh pengkaji.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Kajian ini merupakan kajian kes yang berkaitan dengan masalah pengurusan harta intelek produk tradisional Sarawak. Tinjauan literatur bertujuan untuk memperlihatkan sejauh mana pemahaman dan penggunaan harta intelek dalam mempatenkan produk tradisional mereka. Tinjauan literatur ini bertujuan sebagai panduan untuk mengkaji keberkesanan kaedah koperatif yang digunakan dalam mengaplikasi pendaftaran harta intelek.

#### **2.2 Kajian Kesusasteraan**

Menurut Akta 617 (2002), akta ini termasuklah apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat dibawah Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta ini. Fungsi perbadanan ini adalah untuk memastikan bahawa peruntukan dan Perundangan Harta Intelek ditadbirkan, dikuatkuasakan, diberi kuat kuasa, dijalankan dan dipatuhi. Selain itu, perbadanan ini bertindak sebagai ejen Kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan bagi mentadbirkan, memungut dan menguatkuasakan pembayaran fi yang ditetapkan atau apa-apa caj lain di bawah Perundangan Harta Intelek. Mereka juga bertindak